



BE  
AWE  
SOME  
BE  
MASS  
CO  
MM



VOLUME  
02

# PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU **BOIKOT**

Oleh : Nur Alyani Mohd Shukri, Siti Nasarah Ismail & Noryusnita Ramli

**M**edia sosial telah menjadi sebuah platform yang sangat berpengaruh dalam penyebaran informasi, pandangan, dan gerakan sosial, termasuk tingkah laku boikot. Pengaruh media sosial terhadap tingkah laku ini dapat dilihat dari beberapa aspek, antaranya penyebaran informasi secara pantas dan luas. Media sosial membenarkan penyebaran informasi tentang isu dan tujuan boikot. Pengguna dapat akses yang mudah terhadap berita, artikel, video, dan infografik yang menyokong atau menentang boikot. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran orang awam dalam tempoh yang singkat terhadap isu boikot yang belarutan sehingga kini.

Mobilisasi massa yang bermaksud sebagai proses yang mendorong orang ramai dalam pelbagai peringkat (nasional mahupun tempatan) dapat meningkatkan kesedaran secara bersemuka. Media sosial membolehkan masyarakat dan syarikat merancang dan menyelaraskan usaha boikot dengan lebih cekap. Masyarakat boleh berkumpul secara dalam talian dengan tujuan yang sama untuk berkongsi kesedaran seperti menganjurkan acara di Facebook, penggunaan 'hashtag' di aplikasi X dan menjalankan kempen di Instagram bagi membantu menyatukan orang ramai dengan tujuan yang sama.

Selain itu, pengaruh sosial dan tekanan awam juga dapat dilihat dari sudut berbeza. Media sosial membenarkan masyarakat untuk melihat pandangan dan tindakan sekeliling atau dari tokoh-tokoh yang mereka kagumi. Ini boleh mewujudkan kesan 'snowballing', di mana semakin ramai orang terpengaruh untuk mengambil bahagian dalam boikot kerana tekanan sosial atau rasa solidariti.

Media sosial turut memberi kesan terhadap reputasi dan imej syarikat yang terlibat dengan isu boikot. Syarikat yang berhadapan dengan tingkah laku boikot ini akan mengalami kesan langsung dari aspek reputasi dan imej mereka. Ini berikutan, media sosial memudahkan penyebaran berita negatif atau kritikan terhadap syarikat, yang boleh membawa kepada penurunan keyakinan pengguna dan penurunan jualan.

Selain itu, media sosial membolehkan

analisis 'real-time' tentang kesan tingkah laku boikot. Melalui analisis data, kita dapat melihat bilangan orang yang bersuara tentang boikot, sentimen awam dan perubahan dalam tingkah laku pengguna. Ini memberi gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan boikot melalui penggunaan media.

Keberkesanan tingkah laku boikot dapat dilihat secara menyeluruh dari sudut positif dan negatif. Positifnya, media sosial boleh meningkatkan keberkesanan boikot dengan meluaskan jangkauan maklumat dan menarik sokongan ramai. Kempen yang diurus dengan baik boleh menghasilkan perubahan, baik dari segi polisi syarikat mahupun kesedaran pengguna. Manakala, aspek negatif boikot adalah tidak semua boikot yang menjadi viral di media sosial berjaya. Kadangkala, maklumat yang salah atau boikot berdasarkan andaian yang tidak tepat boleh menyebabkan kekeliruan atau kekurangan sokongan yang konsisten.

Kredibiliti dan kebolehpercayaan maklumat juga memainkan peranan yang penting. Media sosial membenarkan ketelusan dan pengesahan melalui pelbagai sumber. Kempen boikot berdasarkan bukti kukuh cenderung mendapat sokongan yang lebih besar. Namun, kewujudan maklumat palsu atau berita 'hoax' juga merupakan satu cabaran besar. Ini boleh mengaburi tujuan asal boikot dan mengurangkan keberkesanannya.

Dari sudut dinamik sosial dan ekonomi, boikot yang dilaksanakan dengan baik boleh mempengaruhi polisi syarikat dan mempromosikan tanggungjawab sosial. Ini boleh membawa kepada perubahan positif dalam amalan perniagaan. Sebaliknya, boikot yang tidak dirancang dengan baik atau terlalu kerap boleh menyebabkan kepenatan orang ramai dan pihak yang kurang bernasib baik yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan isu yang dibangkitkan.

Secara keseluruhan, media sosial memiliki peranan yang signifikan dalam menggerakkan dan mempengaruhi aksi boikot. Namun, kejayaan boikot melalui media sosial sangat bergantung pada kejelasan tujuan, ketepatan maklumat, dan strategi komunikasi yang efektif.

# PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM MEMPROMOSI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh : Nurul Nisha Mohd Shah & Shahril Anuar Abdul Ghalim

**P**endidikan tidak lagi terbatas pada fasa tertentu dalam kehidupan seseorang individu. Pada zaman digital saat ini, konsep pembelajaran sepanjang hayat semakin mendapat sorotan. Bagi individu yang ingin kekal relevan dan kompetitif dalam pasaran kerja yang dinamik, pastinya mereka harus sentiasa bersedia untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang. Keadaan ini pastinya dapat menaik taraf keterampilan dan pesona diri sebagai individu yang berkarisma dan mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi. Namun, bagaimana caranya agar pembelajaran sepanjang hayat dapat didorong dan dipromosi secara efektif?

Kemunculan media sosial telah membuka pelbagai peluang baru untuk mereka yang sentiasa dahagakan pengetahuan dan maklumat dalam pelbagai perkara. Berbekalkan kemampuannya untuk menghubungkan individu daripada berbagai-bagai latar belakang dan memberikan akses yang tidak terbatas terhadap maklumat dan pengetahuan umum dan khusus, media sosial berpotensi menjadi platform bagi pembelajaran sepanjang hayat. Platform-platform seperti Facebook, Twitter, LinkedIn, dan YouTube telah menjadi saluran bagi individu untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan, berkolaborasi, serta terlibat dalam perbincangan yang dapat mendorong kepada perkembangan potensi diri.

Media sosial juga telah membuka pintu menuju ke dunia sumber pembelajaran yang tidak terbatas, baik dari segi formal mahupun tidak formal. Kandungan pembelajaran yang berkualiti dapat diakses di hujung jari sahaja. Salah satu keunggulan utama media sosial adalah kemudahan akses terhadap kursus online, atau yang lebih dikenali sebagai MOOC (Massive Open Online Course). Platform-platform seperti Coursera, edX, dan Udemy menawarkan ribuan kursus daripada institusi pengajian tinggi terkemuka di seluruh dunia.

Platform MOOC telah memberikan peluang kepada sesiapa sahaja untuk memperluas pengetahuan dengan tempoh pengajian yang lebih fleksibel. Selain itu, terdapat banyak webinar dan video tutorial yang telah dimuat naik di media sosial, yang telah memungkinkan pembelajaran segera dan terus daripada ahli yang pakar dalam subjek tersebut. Interaksi secara langsung bersama ahli yang pakar menerusi komen atau Direct Message pastinya memberi peluang untuk seseorang individu memperoleh ilmu yang lebih mendalam.

Para pengguna media sosial juga dapat menyertai komuniti perbincangan yang sesuai dengan minat dan bidang masing-masing.

Mereka berpeluang untuk bertanya soalan, bertukar-tukar pandangan serta belajar menyelesaikan masalah melalui pengalaman orang lain yang ada dalam komuniti tersebut. Ahli-ahli dalam komuniti tersebut tidak hanya dapat memperkaya pengetahuan diri bahkan dapat membangun jaringan profesional dalam bidang tersebut.

Selain itu, media sosial juga menyediakan akses mudah terhadap bahan pembelajaran seperti e-book, podcast, dan lain-lain kandungan multimedia. Sumber bahan pembelajaran ini dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Hal ini pastinya memberikan kemudahan pembelajaran secara fleksibel kepada individu iaitu sesuai dengan gaya pembelajaran masing-masing.

Ternyata, media sosial bukan hanya berperanan sebagai sumber untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat, bahkan dapat menyumbang kepada peningkatan inspirasi pembelajaran sepanjang hayat. Individu yang berupaya mengoptimalkan penggunaan media sosial pastinya akan memperoleh manfaat yang maksima daripada kandungan-kandungan yang dipaparkan, seterusnya mengembangkan potensi diri dalam perjalanan ilmu yang tidak akan pernah berakhir.

